

PERANAN JURURAWAT TERHADAP IBADAH SOLAT PESAKIT: KAJIAN DI HOSPITAL SULTAN ABDUL HALIM, SUNGAI PETANI, KEDAH.

Luqman Hakim @ Fakhairuzal Bin Muhamad Ghazali¹
Dr. Mohd Akram Bin Dato' Dahaman @ Dahlan²
Universiti Utara Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengetahui sejauhmana peranan yang dimainkan oleh Jururawat Hospital Sultan Abdul Halim (HSAH) terhadap kepentingan dan pengamalan pesakit terhadap ibadah solat ketika mendapatkan rawatan di wad hospital. Kajian ini menjelaskan peranan dan bantuan yang dapat dimainkan oleh jururawat dalam memastikan pesakit menunaikan ibadah solat ketika berada di wad HSAH. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan kaedah Triangulasi dengan menjadikan soal selidik sebagai instrumen utama kajian dengan menasaskan jumlah keseluruhan sampel adalah seramai 50 orang. Responden dalam kajian ini adalah terdiri daripada jururawat yang bertugas di Wad Bunga Raya 1, Wad Bunga Raya 2, Wad Kenanga 5 dan Wad Kenanga 6. Kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian berstruktur untuk mengenal pasti jururawat berperanan dalam membantu pesakit dalam menunaikan ibadah solat. Kaedah temu bual digunakan bagi mendapat pandangan Ketua Jururawat dan Pegawai Agama Islam HSAH berkaitan peranan yang telah dimainkan oleh jururawat. Penyelidik membuat analisis kajian secara deskriptif untuk mendapatkan nilai kekerapan, peratusan serta min dengan menggunakan perisian Statistical Packages For Social Sciences (SPSS) versi 15.0. Hasil analisis menunjukkan bahawa responden mengetahui dan memahami tentang ibadah solat ketika sakit dan mampu memberikan bantuan kepada pesakit serta berperanan dalam memastikan pesakit menunaikan solat. Namun, tahap pelaksanaan solat dikalangan pesakit masih lagi di tahap kurang memuaskan. Oleh itu, beberapa cadangan turut dikemukakan kepada pihak tertentu untuk diambil tindakan bagi meningkatkan tahap kesedaran dan pengamalan solat dalam kalangan pesakit bagi membolehkan jururawat berperanan dalam memastikan pesakit muslim menunaikan solat ketika berada di wad hospital. Secara keseluruhannya, sekiranya jururawat berperanan akan membuatkan pesakit tidak akan meninggalkan ibadah solat ketika sakit.

¹ Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun Dan Falsafah, UUM

² Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun Dan Falsafah, UUM

PENGENALAN

Solat merupakan perkara penting dan menjadi paksi utama keimanan seseorang mukmin. Ibadat solat merupakan rukun Islam yang kedua selepas mengucapkan dua kalimah syahadah. Ia adalah tiang agama yang telah difardukan ke atas orang Islam yang mukallaf (Sayyid Sabiq, 1990). Pendidikan solat bermula dari zaman kanak-kanak yang berusia tujuh tahun dan dipukul pada umur sepuluh tahun jika tidak melakukan solat. Sesiapa yang meninggalkan solat seolah-olah dia merobohkan agama (Wahbah al-Zuhaili, 1989).

Menurut Rizky Banjary (2014), ramai masyarakat yang kurang memberi perhatian terhadap ibadah solat. Padahal, solat merupakan perkara asas dalam kehidupan seorang Muslim. Ada dalam kalangan mereka yang meninggalkan solat kerana berasa susah dan tidak menghafal bacaannya (walhal bukan semua bacaan wajib dibaca). Manakala sebahagian yang lain mengabaikan solat kerana sibuk, tiada masa, atau terlewat masuk bekerja dan bertugas. Sebenarnya, menjaga solat dan membiasakannya sebagai amalan harian adalah perkara yang benar-benar mudah untuk dilakukan. Bahkan, pelaksanaan solat dapat disesuaikan dengan kehidupan dan keadaan seseorang.

Menurut Basri Ibrahim (2011), tidak ramai yang mengetahui malah malu untuk bertanya tentang permasalahan fiqh sekiranya mereka hendak beribadah ketika berada di dalam keadaan kesakitan. Kebanyakan muslim masih menganggap jika seseorang itu ditimpa kesakitan, maka mereka diberikan 'cuti' untuk beribadah. Kesakitan juga dijadikan alasan sebagai halangan di dalam membuat kerja-kerja bersangkutan dengan ibadah. Kita boleh melakukan ibadah kepada Allah mengikut kadar kemampuan kita apabila kita berada di dalam kesakitan. Hal ini jelas di dalam kitab al-Quran, Allah s.w.t bersabda yang maksudnya:

“Maka bertakwalah kepada Allah dengan kadar kemampuan kamu”

(Surah al-Taghabun: 16)

Firman Allah di atas membuktikan bahawa ibadah wajib dilakukan walaupun dalam keadaan sukar, contohnya semasa menerima rawatan. Walaupun begitu, ibadahnya dilonggarkan mengikut kadar kemampuan seseorang itu. Dalam konteks ini, kakitangan hospital, khususnya jururawat muslim perlu memikul tanggungjawab dalam memastikan pesakit muslim menerima bimbingan yang betul untuk melakukan ibadah dan amalan keagamaan. Panduan beribadah ketika sakit disediakan dengan sempurna dan pada masa yang sama bertindak sebagai kaunselor dan sahabat kepada pesakit dan ahli keluarganya. Oleh itu, pengetahuan asas dalam panduan beribadah ini perlu diberi perhatian yang serius oleh setiap jururawat muslim.

LATAR BELAKANG MASALAH

Hospital adalah sebuah institusi yang biasanya ramai orang mengelakkan melainkan terpaksa akibat penyakit yang dihadapi ataupun kerana bekerja di sana. Jika seseorang dimasukkan ke hospital, mereka secara automatik menjadi 'orang sakit' yang pada kebanyakan masa mempunyai 'imuniti' atau dikecualikan daripada melaksanakan tugas seperti biasa. Seseorang pesakit itu seharusnya tabah dengan dugaan yang sedang

dihadapinya dan terus mengerjakan solat mengikut kemampuannya. Sememangnya menunaikan solat dalam keadaan sakit menuntut lebih kesabaran dan pengorbanan. Firman Allah di dalam surah Taha yang bermaksud:

“Dan perintahkanlah keluargamu serta umatmu mengerjakan sembahyang dan hendaklah engkau tekun bersabar menunaikannya.”

(Surah Taha: 132)

Solat merupakan ibadah yang mudah untuk dilakukan, tetapi paling susah untuk dilaksanakan. Walaupun menyedari hakikat itu, masih terdapat umat Islam yang mengabaikan perintah Allah ini dengan memberikan pelbagai alasan. Islam tidak pernah menjadikan sakit sebagai alasan untuk membolehkan seseorang tidak menunaikan solat (Basri Ibrahim, 2011). Perkara ini jelas dengan garis panduan yang telah diberikan oleh syarak bersandarkan kepada Al-quran dan As-sunnah Rasulullah s.a.w.

Namun begitu, berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Persatuan Perubatan Islam Malaysia (PPIM) (Utusan Malaysia, 2006, 28 Ogos) mendapati hanya 20 peratus daripada pesakit muslim yang berada di wad-wad hospital melaksanakan ibadah solat. Menurut Presiden PPIM, Profesor Dr. Abdul Latiff Mohamed, pesakit memberi pelbagai alasan antaranya ialah mereka tidak mengetahui tatacara pelaksanaan solat ketika sakit, merasakan dirinya tidak selesa hendak solat dalam keadaan sakit, mereka juga merasakan boleh qada' solat di rumah serta surau di wad hospital terlalu jauh. Keadaan ini berlaku disebabkan kejahilan mereka serta kurangnya pendedahan dan perbincangan sama ada melalui kuliah-kuliah agama, penerangan melalui media cetak mahupun media elektronik mengenai tatacara pelaksanaan ibadah solat ketika sakit.

Menurut Prof. Madya Dr. Basri Bin Ibrahim (2011) pula, hanya 14.4 peratus pesakit di Hospital Nur Zahian sahaja yang melaksanakan solat ketika berada di hospital. Pesakit tidak merasakan solat merupakan satu tanggungjawab yang mesti dilaksanakan dalam apa jua keadaan, malah mengambil mudah dengan meninggalkannya di saat mengalami kesulitan dan kesakitan. Menurut beliau lagi, pesakit juga tidak melaksanakan ibadah solat ini disebabkan mereka malas mengerjakan solat serta tidak mahu belajar dan malu untuk bertanya mengenai cara pelaksanaan solat ketika sakit kerana takut dilabelkan sebagai orang jahil.

Berdasarkan kedua-dua pernyataan di atas, menunjukkan bahawa sebahagian besar masalah pesakit meninggalkan solat adalah berkait rapat dengan peranan yang dimainkan oleh pihak hospital khususnya melibatkan peranan Jururawat. Menurut kajian Prof. Madya Dr. Basri Bin Ibrahim (2011), hanya 20.7% sahaja dalam kalangan Jururawat telah mengikuti kursus mengenai pelaksanaan wuduk dan ibadah solat untuk pesakit. Keadaan ini menyebabkan mereka tidak mengetahui peranan yang perlu dimainkan ketika berhadapan dengan pesakit. Keadaan ini bertambah parah apabila mereka tidak merasakan tanggungjawab menggalakkan pesakit bersolat merupakan sebahagian daripada tugas dan tanggungjawab mereka.

Tugas sebagai Jururawat adalah besar dalam menjaga agama pesakit yang datang mendapatkan rawatan. Hal-hal yang berkaitan dengan ibadah pesakit merupakan satu perkara yang menjadi tanggungjawab mereka membantu pesakit dalam menyempurnakan tuntutan agama. Kewajipan mengenai pelaksanaan ibadah solat menjadi asas dalam penjagaan ibadah pesakit. Peranan inilah yang menjadikan betapa pentingnya tanggungjawab dan peranan Jururawat kepada masyarakat demi menjadikan agama Islam ini sebagai cara hidup yang efektif.

Dasar pengurusan hospital juga mestilah bersifat proaktif dan mesra syarak dengan mewujudkan dasar-dasar yang dapat menitik beratkan pelaksanaan solat. Sebagai seorang Jururawat, mereka perlu melengkapkan diri dengan ilmu-ilmu yang dapat membantu pesakit untuk beribadat. Pesakit yang terlantar dan tidak dapat bergerak, sudah pasti mengharapkan bantuan untuk membantunya bersuci, berwuduk dan menunaikan solat. Mereka juga boleh menyediakan buku panduan ibadah ketika sakit, menyediakan alatan misalnya debu tayammum yang dapat membantu dalam urusan ibadat dan memberi galakan kepada keluarga pesakit supaya membantu pesakit menunaikan solat.

Sebagai kesimpulannya, Jururawat perlu memainkan peranan yang penting dalam memberi panduan solat kepada pesakit dan berusaha mengatasi isu pengabaian solat. Kajian ini bukan sahaja melihat kepada tahap pelaksanaan solat oleh pesakit tetapi juga mengkaji peranan Jururawat dalam membantu pesakit melaksanakan ibadah solat. Kajian ini juga diharapkan dapat dijadikan panduan dan memudahkan urusan ibadah solat ketika sakit bagi semua pihak yang berurusan di Hospital Sultan Abdul Halim, Sungai Petani, Kedah secara khusus dan umumnya di hospital-hospital yang lain.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian tentang peranan jururawat Hospital Sultan Abdul Halim (HSAH) ini secara umumnya ingin mencapai tiga objektif berikut, iaitu yang pertama untuk mengenalpasti tahap tanggungjawab jururawat dan kemudahan untuk pelaksanaan ibadah solat oleh pesakit muslim dalam wad di HSAH. Objektif kedua ialah untuk mengenalpasti tahap pengetahuan dan peranan yang dimainkan jururawat dalam pelaksanaan solat oleh pesakit muslim dalam wad HSAH. Objektif ketiga pula ialah mengenalpasti pengaruh di antara tanggungjawab, pengetahuan dan kemudahan solat terhadap keberkesanan peranan jururawat dalam pelaksanaan ibadah solat oleh pesakit muslim dalam wad di HSAH.

JURURAWAT DAN PERANANNYA TERHADAP PESAKIT

Tugas seorang jururawat adalah tugas yang telah difardhukan oleh Allah S.W.T. Maka bagi memahami tugas sebenar sebagai hamba Allah ia haruslah melaksanakan tugas itu sebagai ibadah dengan penuh keikhlasan kerana Allah S.W.T. Ia harus menggunakan seluruh kebolehan yang ada pada dirinya untuk beribadah sama ada dari segi layanan yang meliputi percakapan, tindakan malah gerak hatinya sendiri. Alangkah bertuahnya para pesakit apabila berhadapan dengan jururawat yang memahami penderitaan yang mereka tanggung sekaligus merelakan dirinya menjadikan wad yang diduduki sebagai rumah kedua baginya.

Inilah hakikat yang perlu difahami oleh seseorang terutamanya para jururawat dalam melaksanakan tugas mereka. Mereka bukan sahaja perlu menjaga pesakit, diri sendiri malah agamanya ketika melaksanakan tugas. Matlamat murni yang hendak mereka capai biarlah selari dengan tuntutan syarak. Bidang kejururawatan yang mereka ceburi hendaklah dijadikan medan untuk berjihad. Jihad dalam erti kata memberi kebaikan kepada sesama insan.

Merawat orang sakit adalah tanggungjawab setiap orang Islam. Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud:

"Berilah makan orang yang lapar, rawatlah orang yang sakit dan tebuslah tawanan."

(Diriwayatkan oleh al-Bukhari)

Hadith ini datang dalam '*Sighah al-Amr*' yang membawa hukum 'fardu' dan arahan itu pula adalah umum. Ini bermaksud tanggungjawab merawat orang sakit itu adalah fardu dan mesti dilaksanakan oleh setiap muslim yang mencukupi syarat-syarat 'Taklif Syarii'.

Peranan jururawat secara umumnya merangkumi aktiviti penjagaan kesihatan primer, sekunder dan tertiar. Bagi aktiviti penjagaan kesihatan primer, meliputi aktiviti-aktiviti promosi kesihatan, pencegahan dan pengawalan penyakit, jagaan perawatan dan rehabilitasi. Manakala bagi penjagaan kesihatan sekunder dan tertiar pula ia melibatkan aktiviti-aktiviti penjagaan kesihatan di hospital-hospital. Selaras dengan tugas jagaan perawatan secara holistik tersebut, jururawat perlu memantau keadaan pesakit dari semasa ke semasa, mendokumenkan rekod kemajuan perawatan serta membuat tindakan sewajarnya dan melaporkan keadaan luar biasa kepada pihak yang bertanggung jawab.

Dalam melaksanakan tugas dan tanggung jawab seharian, jururawat adalah tertakluk kepada Akta Jururawat 1950, Akta Bidan 1966, *Code of Professional Conduct for Nursing*, Polisi, Peraturan-peraturan dan Garis panduan yang telah ditetapkan dalam meningkatkan kualiti jagaan perawatan kesihatan serta penglibatan masyarakat, keluarga dan komuniti. Memandangkan jururawat merupakan tenaga kerja terbesar serta memainkan peranan penting dalam perkhidmatan kesihatan negara maka, tenaga kerja jururawat memerlukan pasukan professional yang dinamik dan responsif terhadap dasar kesihatan negara, keperluan pelanggan dan persekitaran yang sentiasa berubah.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan secara kuantitatif dan kualitatif atau lebih dikenali sebagai *mixed-method* (Creswell dan Clark, 2007). Kaedah pengumpulan data dibuat melalui soal selidik, temu bual, dan pemerhatian. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan kaedah Triangulasi dengan menjadikan soal selidik sebagai instrumen utama kajian dengan mensasarkan jumlah keseluruhan sampel adalah seramai 50 orang. Responden dalam kajian ini adalah terdiri daripada jururawat yang bertugas di wad Bunga Raya 1, wad Bunga Raya 2, wad Kenanga 5 dan wad Kenanga 6. Berikut adalah jumlah responden dan jumlah peratus dari keseluruhan responden yang menjawab soal selidik yang disediakan:

Jadual 1: Jumlah Populasi Responden Megikut Jantina

Jantina	Kekerapan	Peratus
Lelaki	0	0
Perempuan	50	100
Jumlah	50	100

Daripada 50 orang responden yang dipilih menjadi sampel kajian, keseluruhan sampel kajian teriri daripada jururawat wanita. Kerjaya jururawat yang majoritinya adalah dari golongan wanita boleh dilihat berdasarkan kedudukan dan sifat-sifat mereka yang mampu melaksanakan tugas secara efektif. Golongan wanita juga dilihat layak menjawat jawatan jururawat ini kerana mereka memiliki sifat kesabaran dan kelembutan yang melayakkan mereka bertugas untuk memberi bantuan dalam menjaga pesakit.

Jadual 2: Analisis Responden Berdasarkan Kepada Peranan Yang Dimainkan Oleh Jururawat Dalam Pelaksanaan Solat Oleh Pesakit Muslim Dalam Wad Di HSAH

Bil	Peranan Jururawat terhadap Solat Pesakit	STS	T S	TP	S	SS	MIN
1	Saya sedia memaklumkan pesakit apabila masuk waktu solat	0 (0)	0 (0)	0 (0)	36 (72)	14 (28)	4.28
2	Saya sedia membantu pesakit bersuci sekiranya diminta untuk membantu	0 (0)	0 (0)	0 (0)	34 (68)	16 (32)	4.32
3	Saya sedia membantu pesakit membawa ke surau sekiranya pesakit memerlukan bantuan	0 (0)	3 (6)	2 (4)	27 (54)	18 (36)	4.20
4	Saya sedia mengajar tatacara solat ketika sakit kepada pesakit	0 (0)	0 (0)	3 (6)	37 (74)	10 (20)	4.14
5	Saya sedia menyediakan kelengkapan solat kepada pesakit yang memerlukan	0 (0)	0 (0)	3 (6)	31 (62)	16 (32)	4.26
Purata Min							4.24

Dalam Islam, segala urusan agama seperti tuntutan dalam ibadah, membangunkan agama, menunaikan kefarduan, meninggalkan segala larangan, seruan kepada dakwah Islam dan mencegah kemungkaran ditaklifkan terhadap lelaki dan wanita secara bersama (al-Qardawi, 1997). Namun, peranan merawat dan menjaga pesakit lebih diutamakan kepada kaum perempuan kerana perempuan lebih bersifat lemah-lembut dan sabar dalam menjalankan tugas-tugas penjagaan kesihatan pesakit. Menurut Susan Pembrey (1980), kaum perempuan lebih meminati bidang yang berkaitan dengan perhubungan langsung dengan orang ramai seperti merawat dan menjaga kanak-kanak.

Kajian ini juga turut menggunakan temubual dan pemerhatian sebagai instrumen kajian. Pengkaji telah menemubual 2 orang yang terlibat secara langsung dengan tugas dan berperanan menyelia peranan jururawat iaitu ketua jururawat dan Pegawai Agama Islam. Mereka berdua juga terlibat memastikan kesahan soal selidik dan peranan yang dimainkan oleh jururawat dalam memberi bantuan kepada pesakit dalam melaksanakan ibadah solat di wad hospital. Pengkaji juga menjalankan pemerhatian di dalam wad bagi memastikan wujudnya peranan yang dimainkan oleh jururawat dalam membantu pesakit yang memerlukan bantuan untuk bersolat.

ANALISIS DATA DAN KEPUTUSAN KAJIAN

Jadual 2 memaparkan analisis pernyataan yang merujuk kepada lima item mengenai peranan yang dimainkan oleh jururawat terhadap pelaksanaan ibadah solat oleh pesakit Muslim dalam wad di HSAH. Berdasarkan pada nilai purata min=4.24, majoriti responden bersetuju bahawa jururawat berperanan dalam menjalankan peranan terhadap pelaksanaan ibadah solat oleh pesakit Muslim dalam wad di HSAH.

Pernyataan pertama merujuk kepada '*Saya sedia memaklumkan pesakit apabila masuk waktu solat*'. Dapatan kajian menunjukkan nilai min yang di perolehi sebanyak min=4.28 dengan 36 orang jururawat setuju dengan peratus sebanyak 72% manakala 14 orang jururawat sangat setuju dengan peratus sebanyak 28%. Ini menunjukkan jururawat sedia berperanan untuk memaklumkan kepada pesakit apabila masuknya waktu solat kerana ia tidak mengganggu tugas hakiki mereka. Hal ini juga telah dibuktikan dengan pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji sendiri apabila menjalankan pemerhatian dalam dua sesi pemerhatian. Dapatan ini juga disokong melalui hasil temubual yang dijalankan oleh pengkaji kepada ketua jururawat wad Kenanga 5 yang menyatakan jururawat akan memaklumkan kepada pesakit apabila masuknya waktu solat.

Seterusnya pernyataan kedua pula merujuk kepada '*Saya sedia membantu pesakit bersuci sekiranya diminta untuk membantu*'. Dapatan kajian menunjukkan nilai min yang di perolehi sebanyak min=4.32 dengan 34 orang jururawat setuju dengan peratus sebanyak 68% manakala 16 orang jururawat sangat setuju dengan peratus sebanyak 28%. Ini menunjukkan jururawat sedia berperanan untuk membantu pesakit bersuci atau berwuduk kerana mereka menganggap bantuan ini sebagai salah satu kerja yang mulia dan merupakan kerja ibadah mereka. Ini kerana tugas membantu pesakit bersuci bukanlah sesuatu yang susah kerana bagi mereka tugas lain lagi berat seperti membersihkan najis pesakit dan memberikan pesakit mandi. Dapatan ini juga selari dengan kemudahan botol spray untuk berwuduk serta debu tayammum yang disediakan oleh pihak hospital bagi pesakit yang ingin menunaikan ibadah solat.

Saya sedia membantu pesakit membawa ke surau sekiranya pesakit memerlukan bantuan' merujuk kepada pernyataan ketiga. Dapatan kajian menunjukkan nilai min yang di perolehi sebanyak min=4.20 dengan 3 orang jururawat tidak setuju dengan peratus sebanyak 6%, 2 orang jururawat tidak pasti dengan peratus sebanyak 4%, 27 orang jururawat setuju dengan peratus sebanyak 54% manakala 18 orang jururawat sangat setuju dengan peratus sebanyak 36%.

Hasil pemerhatian pengkaji juga mendapati tiada pesakit yang meminta untuk dibawa ke surau kerana kedudukan surau terletak di bahagian luar wad mereka. Ini menyebabkan mereka terpaksa turun dari katil dan keluar dari wad untuk bergerak ke surau hospital. Dapatan ini juga selari dengan temubual yang dijalankan bersama dengan Ketua Jururawat wad Kenanga 5 yang memaklumkan kebanyakan pesakit akan bersolat di atas katil masing-masing. Pesakit yang menunaikan solat di surau kebanyakannya pergi sendiri ke surau tanpa memerlukan bantuan dari jururawat.

Seterusnya pernyataan keempat pula merujuk kepada '*Saya sedia mengajar tatacara solat ketika sakit kepada pesakit*'. Dapatan kajian menunjukkan nilai min yang di perolehi sebanyak min=4.14 dengan 3 orang jururawat tidak pasti dengan peratus sebanyak 6%, 37 orang jururawat setuju dengan peratus sebanyak 74% manakala 10 orang jururawat sangat setuju dengan peratus sebanyak 20%. Keadaan ini disebabkan pihak kementerian juga ada menyediakan kursus khas kepada semua jururawat mengenai tatacara solat pesakit dan mengajar tatacara bantuan yang boleh diberikan kepada pesakit sekiranya pesakit mohon bantuan dan tunjuk ajar. Perkara ini juga telah disahkan oleh Pegawai Agama Islam yang bertugas menerusi temubual dengan pengkaji.

Pernyataan terakhir iaitu yang kelima pula merujuk kepada '*Saya sedia menyediakan kelengkapan solat kepada pesakit yang memerlukan*'. Dapatan kajian menunjukkan nilai min yang di perolehi sebanyak min=4.26 dengan 3 orang jururawat tidak pasti dengan peratus sebanyak 6%, 31 orang jururawat setuju dengan peratus sebanyak 62% manakala 16 orang jururawat sangat setuju dengan peratus sebanyak 32%. Dapatan kajian ini juga selari dengan kemudahan-kemudahan untuk bersolat yang disediakan oleh pihak hospital di dalam semua wad ada ada di HSAH. Antara kelengkapan solat yang disediakan oleh pihak wad HSAH ialah sejadah, kain telekung, botol spray untuk berwuduk serta debu tayammum yang boleh digunakan oleh pesakit yang tidak boleh menggunakan air untuk berwuduk. Pihak HSAH juga menyediakan surau di luar setiap wad bagi membolehkan pesakit bersolat dengan selesa dan khusyuk.

Secara keseluruhannya pada pandangan pengkaji, nilai min yang diperolehi iaitu sebanyak min=4.24 ini jelas menunjukkan bahawa Jururawat Hospital Sultan Abdul Halim di Wad Bunga Raya 1, Wad Bunga Raya 2, Wad Kenanga 5 dan Wad Kenanga 6 berperanan dalam memberi bantuan kepada pesakit dalam menunaikan ibadah solat ketika mendapatkan rawatan di wad HSAH, Sungai Petani Kedah. Hal ini bertepatan dengan hasil kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji.

PENUTUP

Kajian ini juga cuba mengenal pasti keberkesanan peranan jururawat terutama jururawat muslim yang terlibat dalam pelaksanaan ibadah solat pesakit dalam wad di Hospital Sultan Abdul Halim, Sungai Petani, Kedah. Dapatan kajian yang diperolehi secara keseluruhannya menunjukkan bahawa jururawat yang bertugas di wad HSAH memainkan peranan penting dalam membantu pesakit menunaikan ibadah solat sepanjang mereka mendapatkan rawatan di wad hospital. Secara umumnya, jururawat HSAH mempunyai komitmen yang positif untuk menawarkan khidmat bantu serta berperanan membantu sama

ada mengajarkan pesakit tatacara bersolat ketika sakit mahupun memberi bantuan kepada pesakit untuk berwuduk apabila diminta.

RUJUKAN

- Basri Ibrahim, (2007), *Sikap Pesakit Terhadap Solat: Kajian Di Hospital Kuala Terengganu*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Basri Ibrahim, (2011), *Sakit Bukan Alasan Untuk Meninggalkan Solat*, Selangor: Al-Hidayah House Of Publishers Sdn. Bhd.
- Chamber, S., (2003), "Use of Non-verbal Communication Skills to Improve Nursing Care" dlm. *British Journal of Nursing*, 12(14).
- Creswell, JohnW dan Clark, Vicki L. Plano. (2007). *Designing and Conducting Mixed Methods Research*. Thousand Oaks, CA: Sage Publication, Inc.
- Fauzi Abd. Hamid, (2013), *Solat Emergency: Rukhsah Solat Dan Wuduk Ketika Musibah*, Kuala Lumpur: Harian (Zulfadzli) Sdn. Bhd.
- Kozier, B., Erb, G., & Blais, K., & Wilkinson, J. M., (1996), *Fundamentals of Nursing. Concepts, Process, and Practice*. California: Addison-Wesley Publishing.
- Rizky Banjary, & Abdullah Al-Mustofa, (2014), *Formula Mudah Solat*, Kuala Lumpur: Percetakan Zafar S. Bhd.
- Sarip Abdul, (2009), *Fiqh Ibadat Jururawat Islam*, Selangor: ANF PRO Enterprise.
- Sayyid Sabiq, (1990), *Fiqh al-Sunnah* (Kaherah: Dar al-Diyan, 1990), 1: 86
- Susan E. M. Pembrey, (1980), *The ward sister, key to nursing: A study of the organisation of individualised nursing*, Distributed for the Royal College of Nursing by Churchill Livingstone.
- Wahbah al-Zuhaili, (1989), *al-Fiqh al-Islami Wa Adillatihi* (Damsyik: Dar al-Fikr, 1989), 1: 654.